

## Faktor yang Mempengaruhi Emosi: Fokus kepada Ibadah Hajj di Arab Saudi

(*Factors that Influence Emotion: Focus on Hajj Pilgrims in Saudi Arabia*)

Zhooriyati Sehu Mohamad<sup>1\*</sup>,

Intan Hashimah Mohd Hashim<sup>2</sup>

Zulkarnain Ahmad Hatta<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Faculty of Social Sciences and Liberal Arts,  
UCSI University Kuala Lumpur*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Sains Malaysia (USM)*

\*Corresponding e-mail: [zhooriyati@ucsiuniversity.edu.my; yati\_2386@yahoo.com]

Emotions are one of the important components that play a vital role in the daily life of man. Emotions play a role in determining the quality of human life, influencing people in decision making, social interactions and behavioral patterns in the environment. Although many studies have been conducted on emotion, studies that study emotions in spiritual contexts are still limited in the field of research. Therefore, this study examines how emotions are influenced by certain factors in the context of pilgrimage. More specifically, this study investigates emotional issues in the context of pilgrimage. To achieve this research objective, a qualitative study using an exploratory approach was conducted in two phases. The first phase of the study involved five participants who completed the selected diary notes for the selected ten days while performing their Hajj worship in Saudi Arabia. The second phase involved 53 participants who completed the open questionnaire for a maximum of six months after returning from performing the pilgrimage. The results of this study were analyzed using thematic analysis. The results show that the emotional experiences during the pilgrimage are varied and are motivated by various factors such as location of worship, activities such as spiritual activities and daily activities, health factors, and social interactions as well as struggles of religiosity and spirituality. The findings of this study detail not only the type of emotion experienced but also the types of factors that may contribute to the development of these emotions. The findings of this study help researchers to better understand the emotional experiences during the pilgrimage.

*Keywords:* Emotion, Hajj, Sprituality, Arab Saudi

Emosi merupakan antara komponen penting dalam kehidupan manusia yang memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan harian (Pham and Tran 2012; Nezlek and Kuppens 2008) serta menentukan kualiti kehidupan manusia (Ekman 2003). Di samping itu, ia juga turut mempengaruhi manusia dalam

membuat sesuatu keputusan (Pham and Tran 2012), interaksi sosial (Sander, Grandjean, Pourtois, Schwartz, Seghier, Scherer and Vuilleumier 2005; Scherer 2003) dan gaya tingkah laku dalam persekitaran (Burns and Neisner 2006). Biasanya, individu yang lebih banyak mengalami emosi positif berbanding emosi

negatif mengambarkan pengalaman hidup yang lebih berkualiti berbanding individu yang kerap memamerkan emosi berbentuk negatif.

Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan dengan emosi, kajian yang mengkaji tentang emosi dalam konteks spiritual masih lagi terhad dalam bidang penyelidikan. Antara kajian-kajian sebelum ini yang berfokus kepada emosi dalam konteks spiritual termasuklah kajian Kindermann dan Riegel (2016) dan Hede dan Hall (2012). Misalnya, kajian Kindermann dan Riegel (2016) berfokus terhadap pengalaman emosi semasa berada di dalam gereja dan mendapati bahawa seseorang individu mengalami emosi positif semasa berada di dalam bangunan gereja disebabkan oleh suasana di dalam gereja tersebut. Kajian tersebut melaporkan bahawa suasana seperti bunyi yang kedengaran di dalam bangunan tersebut, persekitaran dan suasana yang tenang, suhu atau bau yang tertentu di dalam bangunan gereja tersebut merupakan antara perkara yang mempengaruhi kejadian emosi. Sementara itu, kajian Hede dan Hall (2012) pula berfokuskan kepada penziarahan ke tempat suci Gallipoli iaitu penziarahan spiritual golongan di Turki. Melalui kajian tersebut, mereka mendapati bahawa bentuk emosi yang dialami oleh jemaah adalah berbentuk positif dan negatif dan ini disebabkan oleh suasana di tempat suci Gallipoli. Kedua-dua kajian ini menyumbang kepada kefahaman tentang bentuk pengalaman emosi dalam konteks spiritual. Walau bagaimanapun, tiada lagi kajian yang berfokus kepada konteks spiritual yang lebih meluas khususnya dalam konteks keagamaan lain termasuk Buddha, Hindu mahupun Islam. Maka, kajian ini cuba menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman emosi dengan berfokus kepada konteks spiritual Islam atau lebih khusus lagi kepada perjalanan haji di Mekah dan Madinah di Arab Saudi.

Ibadah haji merupakan penziarahan ke Arab Saudi, yang terbesar dan pengumpulan atau perhimpunan paling lama di dunia (Al-Faisal 2009; Shafi et al., 2008). Pada setiap musim haji, berjuta-juta umat Islam akan berkumpul di Mekah untuk menunaikan suruhan Allah S.W.T (Al-Faisal 2009) kerana umat Islam percaya bahawa menunaikan ibadah haji adalah jemputan istimewa oleh Allah S.W.T kepada insan yang menjadi pilihan-Nya (Ibrahim 2010). Pada masa sekarang didapati bilangan orang yang berkumpul semasa musim haji adalah sebanyak 2.41 juta orang pada tahun 2008 (Saudi Gazette 2014 October 19) dari 140 buah negara (Shafi et al., 2008) dan bilangannya semakin bertambah memandangkan peningkatan bilangan umat Islam di dunia (Al-Faisal 2009). Misalnya, pada tahun 2019, hampir 2.5 juta umat Islam iaitu seramai 1,385,234 orang jemaah lelaki dan 1,104,172 orang jemaah wanita dari pelbagai negara di seluruh dunia (Salaamgateway 2019 August 14) telah menunaikan ibadah haji. Ibadah haji merupakan satu proses yang kompleks, unik dan suci kerana jemaah haji akan melalui pelbagai bentuk aktiviti ibadah untuk melengkapkan proses haji. Aktiviti-aktiviti ibadah berbentuk kerohanian ketika musim haji seperti tawaf, *saei*, melontar, bermalam di Mina dan sebagaiya, berpotensi menimbulkan pelbagai bentuk emosi dan seterusnya menyumbang kepada pengalaman positif dan kesejahteraan.

Walau bagaimanapun kajian yang cuba meneroka bentuk-bentuk pengalaman haji, khususnya daripada konteks psikologi atau spiritual masih lagi terhad. Kebanyakan kajian lepas yang menumpukan kepada ibadah haji adalah lebih banyak berfokus terhadap tahap kesihatan dan bentuk-bentuk penyakit yang tersebar ketika proses haji (Salmon-Rousseau, Piednoir, Cattoir and de La Blanchardière 2016; Shafi, Dar, Khan, Khan, Azhar, McCloskey, Zumla and Petersen 2016; Al-Tawfiq & Memish, 2014; Shafi et al 2008; Ahmed, Arabi and

Memish 2006). Hal ini menyebabkan tidak jelas tentang bentuk pengalaman emosi yang dialami semasa seseorang mengerjakan ibadah haji. Walaupun terdapat kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengan emosi dalam konteks spiritual seperti yang dibincangkan sebelum ini (Kindermann and Riegel, 2016; Hede and Hall 2012), namun konteks haji adalah berbeza berbanding lawatan ke gereja atau Gallipoli kerana ia melibatkan perbezaan ketara dari segi destinasi, proses and aktiviti, dan suasana. Hal ini kerana aktiviti haji melibatkan masa yang lebih lama serta melibatkan lebih ramai individu dalam satu masa seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Kejadian sesuatu emosi adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti biologi, persekitaran, dan sosial. Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini, bentuk-bentuk aktiviti dan pengalaman emosi yang dialami pada tempoh masa yang berbeza adalah menjadi tumpuan kajian. Aktiviti ibadah haji yang melibatkan pelbagai bentuk proses, cenderung membangkitkan pengalaman emosi yang berbentuk dinamik disebabkan oleh pelbagai faktor. Seperti yang dibincangkan sebelum ini diketahui bahawa haji merupakan satu bentuk ibadah yang dijalankan oleh berjuta-juta umat Islam dari seluruh dunia. Dalam situasi tersebut dipercayai bahawa jemaah haji berinteraksi dengan ramai individu yang berlainan latar belakang dan mengalami pelbagai kejadian berbentuk positif mahupun negatif. Perkara ini membangkitkan pengalaman emosi yang pelbagai dan dinamik. Maka, dalam kajian ini dikaji bentuk-bentuk emosi yang dialami oleh jemaah haji pada masa-masa tertentu.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan

eksploratif (*exploration*) atau penerokaan yang melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama yang melibatkan kaedah catatan diari harian dan fasa kedua kajian pula melibatkan penggunaan borang soal selidik terbuka.

### **Sampel dan Lokasi Peserta Kajian**

Daripada 35 buah diari yang diedarkan, seramai lima orang peserta telah melengkapkan diari tersebut dan terlibat dalam kajian fasa pertama. Manakala dalam kajian fasa kedua pula, sebanyak 53 borang daripada 98 borang yang diedarkan telah dikumpulkan semula dalam kajian ini. Kesemua peserta kajian adalah dari Malaysia yang dipilih dengan menggunakan teknik *snowball* berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan iaitu berwarganegara Malaysia dan menunaikan ibadah haji pada tahun kajian dijalankan. Teknik *snowball* adalah sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia memberi peluang kepada penyelidik untuk mengenal pasti bilangan terkecil peserta kajian. Selepas mendapatkan data dari peserta tersebut, diminta untuk mengenal pasti dan memperkenalkan individu yang mempunyai kriteria yang sama sehingga mencapai tahap saturation (Fellows and Liu 2015).

### **Kumpulan Data**

Fasa pertama kajian ini dijalankan terhadap peserta kajian semasa menjalankan ibadah haji di Arab Saudi. Peserta kajian yang terlibat dalam fasa pertama telah membuat catatan dalam diari yang dibekalkan berkenaan bentuk aktiviti yang dijalankan, bentuk emosi yang dialami serta faktor-faktor yang mempengaruhi emosi tersebut semasa berada di Arab Saudi. Catatan dilakukan selama 10 hari semasa peserta berada di Arab Saudi iaitu pada hari pertama, ketiga, kelima, ketujuh, kesembilan, ke-11, ke-13, ke-15, ke-17 dan ke-19. Sepuluh hari telah dipilih memandangkan tujuan utama peserta

adalah untuk menunaikan ibadah haji serta ia juga untuk mengelakkan peserta kajian berasa terbeban untuk mengisi maklumat dalam diari.

Manakala fasa kedua kajian pula dijalankan terhadap peserta kajian yang telah kembali ke Malaysia maksimum enam bulan selepas menunaikan ibadah haji. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian fasa kedua menjelaskan maklumat perihal 10 bentuk pengalaman emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Bentuk-bentuk emosi yang dipilih adalah seperti gembira, bangga, teruja, bersyukur dan bersemangat yang terdiri daripada pengalaman emosi positif. Manakala emosi negatif pula merangkumi pengalaman emosi sedih, marah, risau, benci dan takut. Bentuk-bentuk emosi yang disenaraikan telah dipilih secara random dan dikategorikan kepada emosi positif dan negatif daripada kajian lepas iaitu *Positive Affects and Negative Affects* (PANAS-X) daripada kajian Watson dan Clark (1994).

### **Analisis Data Kajian**

Laporan kajian yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan kaedah *thematic analysis* (Braun and Clarke 2006) yang membawa kepada tema-tema yang berkaitan dan bersesuaian dengan persoalan dan objektif kajian yang disasarkan. Teknik *thematic analysis* adalah sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia merupakan mekanisme untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema daripada data kajian yang diperoleh (Stysko-Kunkowska 2014).

### **Dapatan Kajian**

Perbincangan di bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu maklumat latar belakang peserta kajian yang terlibat dalam fasa pertama dan fasa kedua. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan analisis bentuk-bentuk emosi yang dialami oleh jemaah haji yang digabungkan daripada kedua-dua fasa.

### **Latar Belakang Peserta Kajian**

Perbincangan latar belakang peserta kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu fasa pertama dan fasa kedua. Hal ini kerana ia melibatkan peserta kajian yang berlainan iaitu para peserta hanya terlibat dalam satu fasa sahaja.

### **Fasa Pertama: Catatan Diari Harian**

Seramai lima orang peserta iaitu tiga orang lelaki dan dua orang wanita telah melengkapkan diari harian yang dibekalkan sebelum mereka berlepas ke Arab Saudi. Para peserta yang melengkapkan diari harian ini adalah terdiri daripada golongan yang berumur di antara 28 hingga 39 tahun. Bagi perjalanan pertama kali untuk menunaikan ibadah haji ini, peserta kajian ditemani oleh ahli keluarga seperti suami, isteri, ibu, bapa, dan adik lelaki.

### **Fasa Kedua: Borang Soal Selidik Terbuka**

Seramai 53 orang peserta iaitu 23 orang lelaki dan 30 orang wanita telah melengkapkan borang soal selidik terbuka. Seramai 10 orang peserta adalah terdiri dalam kalangan individu yang berumur diantara 40 hingga 44 tahun. Peserta kajian yang paling muda adalah berumur diantara 25 hingga 29 tahun iaitu seramai lima orang peserta. Manakala golongan warga emas yang melengkapkan borang soal selidik terbuka ini adalah golongan yang berumur diantara 60 ke 64 tahun iaitu seramai dua orang peserta. Dalam kalangan 53 orang peserta kajian, seramai 46 orang telah ke Arab Saudi bersama ahli keluarga untuk menunaikan ibadah haji. Manakala seramai enam orang pula telah borseorangan dan seorang bersama rakan. Dalam kalangan peserta kajian yang terlibat dalam fasa kedua ini, seramai 52 orang melaporkan bahawa ini merupakan pengalaman pertama mereka menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Manakala hanya seorang sahaja yang melaporkan bahawa beliau

pernah menunaikan ibadah haji sebelum ini.

### **Bentuk-Bentuk Emosi Yang Dialami**

Hasil dapatan daripada kedua-dua fasa kajian ini mendapati bahawa pengalaman emosi yang dialami oleh jemaah haji sepanjang menunaikan ibadah haji adalah pelbagai. Emosi-emosi yang dilaporkan adalah seperti gembira, bangga, teruja, bersyukur, bersemangat, seronok, tenang, ceria, lega dan bertenaga. Di samping itu, jemaah juga turut mengalami emosi sedih, marah, gelisah, risau, benci, takut, terkejut, kurang selesa, letih, dan rimas ketika menjalankan ibadah haji. Keseluruhan hasil laporan pengalaman emosi ini dapat dikategorikan kepada emosi berbentuk positif, negatif dan spiritual.

Walau bagaimanapun laporan kejadian emosi ini adalah berbeza berdasarkan pelbagai faktor seperti masa, tempat dan bentuk aktiviti yang dijalankan. Di samping itu, kejadian sesuatu emosi juga adalah tidak sama dengan individu lain yang berada di lokasi yang sama atau menjalankan aktiviti yang sama pada waktu yang sama. Misalnya, emosi terju dibangkitkan disebabkan oleh sikap individu lain. Pada masa yang sama, individu lain pula membangkitkan emosi berbentuk marah disebabkan oleh individu lain juga.

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejadian Emosi**

Berdasarkan analisa kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor kejadian sesuatu emosi yang dialami oleh peserta kajian. Antara faktor kejadian sesuatu emosi semasa menunaikan ibadah haji merupakan aktiviti beribadah seperti bersolat, membaca al-Quran, dan berdoa. Malah, aktiviti harian seperti berehat, makan, mencuci pakaian dan mengemas juga turut menjadi antara faktor kejadian emosi. Di samping itu, interaksi sosial

seperti berbual dengan jemaah lain dan persahabatan dengan jemaah lain juga turut membangkitkan emosi kepada jemaah haji. Aktiviti ziarah kawasan sejarah zaman Nabi dan berjalan sekitar kem yang menjadi antara aktiviti riadah juga dilaporkan sebagai antara faktor yang menyebabkan kejadian sesuatu emosi. Laporan ini menjelaskan bahawa faktor-faktor pengalaman emosi dalam kajian ini adalah pelbagai. Maka, dapatan kajian ini dijelaskan berdasarkan bentuk-bentuk emosi yang dialami dan diberi penerangan berdasarkan aktiviti atau perkara-perkara yang menyebabkan kejadian emosi tersebut.

Maklumat penuh dapatan kajian dapat dirujuk dalam Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1

*Faktor-faktor kejadian emosi*

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Gembira	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat, membaca al-Quran, berdoa, tawaf, <i>saei</i>, melontar, bergunting, berzikir, mengutip anak batu, mengkhatakan al-Quran lebih dari sekali, bercukur, umrah, berniat.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: mencuci pakaian, makan, mengemas, berehat/mandi.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: berbual dengan jemaah lain, persahabatan dengan jemaah lain, menghabiskan masa bersama keluarga, menerima bantuan dari individu lain, membantu individu lain.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: ziarah kawasan sejarah zaman Nabi, lawatan/ziarah di sekitar kota Mekah, berjalan sekitar kem, minum air zamzam, membeli-belah, bersiar-siar, makan ais krim.</li> <li>• <u>Pertukaran lokasi</u>: tiba di Arab Saudi, tiba di tempat melontar, tiba di Arafah.</li> <li>• <u>Lokasi berada</u>: berada di tempat beribadah, berada di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, berada di Hija Ismail, pulang ke kem, kesihatan yang baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melihat Kaabah, melihat Masjidil Haram, selesai proses ibadah haji/umrah, mengagumi kebesaran Allah S.W.T., mendengar laungan azan, bersiap sedia dengan aktiviti melontar, mendapat sedekah makanan dan minuman, penginapan yang selesa, makanan yang mengenyangkan, mendengar ceramah, bertolak ke Mekah, gerak ke Masjidil Haram, belajar bahasa asing.</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Bangga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: tawaf, <i>saei</i>, berada di saf hadapan, sempurnakan proses haji.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: berinteraksi dengan rakan jemaah lain, membantu ahli keluarga, kepercayaan rakan sebilik, membantu individu lain.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: menaiki kereta api, kunjungan ke Masjidil Haram dengan mudah.</li> <li>• <u>Sikap individu (jemaah) lain</u>: yang positif, sikap tertib warga Malaysia, golongan muda membantu golongan tua.</li> <li>• <u>Kesihatan yang baik</u>.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: melontar/tawaf/umrah/<i>saei</i>, bersolat.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: makan/rehat, mengemas.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: membantu individu lain.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: di Mekah, ziarah, membeli barang keperluan, bersiar-siar di sekitar masjid.</li> <li>• <u>Lokasi berada</u>: ziarah Al-Jabar Nur, ziarah Padang Arafah, tiba di Mekah, di tempat beribadah (Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Kaabah), berjalan kaki ke Arafah, Muzdalifah, Mina, Jamrah dan Mekah, meneroka lokasi baru.</li> <li>• <u>Sikap jemaah lain</u>: sikap individu lain, melihat imam solat Aidiladha.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berada di Masjidil Haram, melihat bendera Malaysia, melihat Zamzam Tower, melihat Kaabah, melihat Masjidil Haram, berpeluang ke Arab Saudi, pengumpulan umat Islam, layanan baik pihak Tabung Haji, memegang Kaabah.Urusan diper mudahkan, kunjungan ke Masjidil Haram dengan mudah.</li> </ul>
Teruja		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beribadah di Mekah, melihat Kaabah, melihat Masjidil Haram, melihat kebesaran ciptaan Allah S.W.T., menunggu waktu wuquf, urusan diper mudahkan, mendengar ceramah/taklimat, mendengar alunan imam membacakan surah, berniat umrah, mengemas kini maklumat.</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Bersyukur	<ul style="list-style-type: none"> <li><u>Beribadah</u>: menunaikan tawaf, selesai ibadah haji/umrah/<i>saei</i>, solat, membaca al-Quran, melontar, berzikir, bercukur, niat umrah.</li> <li><u>Aktiviti harian</u>: makan/rehat.</li> <li><u>Aktiviti riadah</u>: bersiar-siar, membeli-belah.</li> <li><u>Pertukaran lokasi</u>: tiba di Mekah dan Madinah, tiba di Abraj Janadriyah.</li> <li><u>Lokasi berada</u>: berada di tempat ibadah, ziarah (Mina).</li> <li><u>Kesihatan yang baik</u>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melihat Kaabah, melihat Masjidil Haram, kemampuan diri sendiri, syukur dengan kebesaran Allah S.W.T., berpeluang beribadah, menghayati situasi di Mekah, menyaksikan waktu wuquf, berasa Allah S.W.T. sentiasa dekat dengan hamba-Nya, mendengar taklimat.</li> </ul>
Bersemangat	<ul style="list-style-type: none"> <li><u>Beribadah</u>: solat, membaca al-Quran, melontar, melakukan ibadah haji, mengutip anak batu, berzikir, berniat.</li> <li><u>Aktiviti harian</u>: mandi/rehat/makan, mengemas.</li> <li><u>Interaksi sosial</u>: membantu individu lain.</li> <li><u>Aktiviti beriadah</u>: melakukan sesuatu yang belum pernah lakukan sebelum ini, melihat ramai jemaah haji, berjalan-jalan di sekitar kem, makan ais krim.</li> <li><u>Pertukaran lokasi</u>: tiba di Mekah, tiba di Madinah, tiba di Arafah, tiba di tempat melontar, pulang ke kem.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersedia memulakan aktiviti haji, melihat kemampuan orang lain, kesihatan yang baik, berjalan kaki untuk beribadah di Masjidil Haram, berulang-alik ke masjid untuk beribadah, berusaha memasuki Raudhah, keluar dari tempat penginapan ke Masjidil Haram, mencium Kaabah, mendengar ceramah, bersiap-sedia (aktiviti melontar/ke Arafah), berada di hotel penginapan.</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Seronok	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: melontar, zikir.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: makan, berehat.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: mengenali rakan-rakan baru.</li> <li>• <u>Aktiviti beriadah</u>: bersiar-siar, membeli-belah, meluangkan masa bersama ahli keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melihat umat Islam bersama, ke Padang Arafah bersama jemaah lain, dapat berada di Masjidil Haram.</li> </ul>
Tenang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat, melontar, tawaf/umrah/<i>saei</i>, membaca al-Quran, berdoa, berzikir, melucut larangan ihram, bercukur, niat umrah.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: rehat, mengemas, mandi, tidur.</li> <li>• <u>Beriadah</u>: ziarah kawasan sejarah zaman Nabi, membeli-belah, membaca buku, bersiar-siar.</li> <li>• <u>Pertukaran lokasi</u>: tiba di tempat melontar, tiba di Abraj Janadriyah, pergi ke masjid, pulang ke kem.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berada di masjid, mendengar ceramah/taklimat, dapat beribadah, beribadah di Masjidil Haram, melihat kebesaran Allah S.W.T., mengemas kini maklumat, berada di lapangan terbang sambil menunggu bas, berada di dalam bas (Jeddah ke Mekah), bergerak ke Masjidil Haram, berjumpa doktor, bersiap-sedia untuk aktiviti melontar, berjalan kaki di Mekah.</li> </ul>
Bertenaga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: berzikir, bersolat.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: berehat.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: bersiar-siar.</li> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat, berzikir, mengutip anak batu, melontar.</li> </ul>	
Lega	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: berehat, tidur, makan.</li> <li>• <u>Aktiviti beriadah</u>: bersiar-siar.</li> <li>• <u>Bertukar lokasi</u>: ke Muzdalifah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertukar lokasi (ke Muzdalifah).</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Ceria	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat, membaca al-Quran.</li> <li>• <u>Aktiviti beriadah</u>: berjalan-jalan di sekitar kem/Bandar Mekah, membeli-belah.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: berbual-bual dengan jemaah lain.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: makan/berehat/mandi, mencuci pakaian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berada di lapangan terbang sambil menunggu bas, bersiap-sedia ke Arafah, bersiap-sedia untuk aktiviti melontar, tiba di tempat melontar, menyemak semula barang yang dikemaskan.</li> </ul>
Sedih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: berdoa, ketika tawaf, umrah, tawaf, <i>saei</i>.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: tidur.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: lawatan ke Mekah.</li> <li>• <u>Pertukaran lokasi</u>: meninggalkan Arab Saudi, meninggalkan Mekah dan Madinah, meninggalkan Masjid Nabawi.</li> <li>• <u>Sikap individu (jemaah) lain</u>: tidak mementingkan kebersihan, pentingkan diri sendiri, tidak menjaga adab solat.</li> <li>• <u>Konflik (dalaman)</u>: teringat dosa-dosa lepas, kekurangan diri sendiri (amalan dan ilmu yang cetek), kesedaran sejarah zaman Rasulullah S.A.W.</li> <li>• <u>Konflik (individu)</u>: dengan ahli keluarga.</li> <li>• <u>Kesihatan</u>: Uzur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan individu lain, beribadah di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, rindu akan ahli keluarga di Malaysia, tersesat jalan, imam menangis ketika mengimamkan solat, halangan ke Masjidil Haram, kematian binatang kesayangan di Malaysia, pembangunan pesat di Mekah, kesedaran sejarah Rasulullah S.A.W. dan sahabat-sahabat Nabi S.A.W.</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Marah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: tawaf, melontar.</li> <li>• <u>Sikap individu (jemaah) lain</u>: membuang sampah, menolak, memijak, menghimpit, merokok.</li> <li>• <u>Konflik (individu)</u>: keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Halangan (memasuki Masjidil Haram tanpa sebab yang jelas), kerosakan bas (dalam perjalanan ke Mina), berjalan jauh (semasa aktiviti tawaf).</li> </ul>
Gelisah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>.</li> <li>• <u>Sikap individu (keluarga) lain</u>: lama menunggu adik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarak jauh ke masjid dari hotel, cuaca panas.</li> <li>• Mendapatkan rawatan, perjalanan ke Masjidil Haram.</li> </ul>
Risau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: tawaf, bermalam di Mina, berniat, bersolat.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: makan, mengemas, berehat.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: bersiar-siar, membeli-belah.</li> <li>• <u>Pertukaran lokasi</u>: ke Jamrah, tiba di Arafah.</li> <li>• <u>Konflik (dalaman)</u>: takut ibadah tidak diterima, perkara-perkara yang belum berlaku, berlaku perkara-perkara tidak diingini, terbatal wuduk, tidak menuaikan ibadah haji dengan sempurna, tidak datang semula ke Mekah, memikirkan keadaan di Arafah.</li> <li>• <u>Kesihatan</u>: gangguan kesihatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap individu lain, mengenangkan perpisahan, mengenangkan keadaan binatang peliharaan di Malaysia, hampir tertinggal bas ketika hendak menuju ke Arafah, berada di hotel penginapan, mendengar taklimat, mengemas kini maklumat, bersiap-sedia untuk aktiviti wuquf.</li> </ul>

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Benci	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>.</li> <li>• <u>Konflik (dalaman)</u>: tidak pandai membaca al-Quran.</li> <li>• <u>Sikap individu (jemaah) lain</u>: terlalu taksub, bertolak-tolakkan, tidak menjaga kebersihan, mengambil tempat duduk orang lain semasa di masjid, jemaah lelaki menggunakan kawasan jemaah wanita, samseng yang menghambat pengemis dan penjual tepi jalan, jemaah yang menjadi marah kerana menunggu lama di Mina, sikap jemaah yang menghisap rokok di hotel.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Halangan atau kawalan (ke Masjidil Haram), infrastruktur yang kurang sempurna (jalan yang kotor).</li> </ul>
Takut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: membantu individu lain.</li> <li>• <u>Aktiviti riadah</u>: berurus niaga di kedai.</li> <li>• <u>Sikap individu (jemaah) lain</u>: penolakan, dirempuh.</li> <li>• <u>Konflik (dalaman)</u>: pergelutan dalaman, batal haji, bersendirian di bilik penginapan, menjaga adab, membawa wang yang banyak, terpisah dengan kumpulan.</li> <li>• <u>Kesihatan</u>: gangguan kesihatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan pesat di Masjidil Haram.</li> <li>• Cara pengurusan.</li> </ul>
Terkejut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: melontar.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: makan, berehat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terputus elektrik pada waktu malam.</li> </ul>

---

Bentuk Emosi	Faktor Emosi	Lain-lain
Kurang selesa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: tidur (suasana panas dan gangguan nyamuk).</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: berjumpa doktor.</li> <li>• <u>Kesihatan</u>: sakit badan, selesema, masalah kesihatan.</li> </ul>	
Letih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: melontar, bersolat, mengutip baru.</li> <li>• <u>Aktiviti harian</u>: berehat, makan, tidur, mengemas.</li> <li>• <u>Interaksi sosial</u>: berjumpa doktor.</li> <li>• <u>Kesihatan</u>: sakit badan, selesema, gangguan kesihatan, tidak cukup rehat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai orang.</li> <li>• Berjalan jauh.</li> <li>• Pulang ke kem.</li> </ul>
Rimas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Beribadah</u>: bersolat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap individu lain.</li> <li>• Tempat tinggal yang panas.</li> <li>• Gangguan nyamuk di tempat tinggal.</li> </ul>

---

## Perbincangan

Berdasarkan laporan dapatan kajian ini, adalah jelas bahawa jemaah haji mengalami pelbagai bentuk emosi semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi dan ia dapat dikategorikan kepada emosi berbentuk positif, negatif dan spiritual. Perkara ini menjelaskan bahawa jemaah haji tidak mengalami satu bentuk emosi sahaja, malah mengalami bentuk emosi yang dinamik. Di samping itu, dapatan kajian juga menjelaskan bahawa kejadian sesuatu emosi adalah disebabkan oleh pelbagai perkara seperti lokasi beribadat, bentuk aktiviti yang dilakukan, hubungan sosial, faktor kesihatan dan pergelutan r/s.

Lokasi dan suasana di tempat beribadat merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi emosi semasa menunaikan ibadah haji. Kajian terdahulu (Kindermann and Riegel 2016; Barron 2002) menjelaskan bahawa pengalaman emosi seperti kagum dibangkitkan semasa berada di dalam gereja disebabkan suasana yang menyelesakan dan menenangkan kerana suasana dan infrastruktur di lokasi ibadah. Dalam konteks ibadah haji, infrastruktur lokasi ibadat seperti Masjidil Haram, Masjid Nabawi, dan Kaabah yang unik dan berbeza berbanding tempat ibadat di negara sendiri dipercayai mempengaruhi emosi jemaah haji yang membangkitkan pelbagai pengalaman emosi positif seperti gembira. Suasana dan persekitaran tempat ibadat di Arab Saudi yang dipenuhi dengan umat Islam dari serata dunia dan berlatar belakang yang berbeza serta melakukan pelbagai bentuk aktiviti spiritual secara bersama juga dipercayai turut mempengaruhi emosi jemaah haji. Emosi tersebut boleh dikatakan dialami apabila jemaah selesa melihat semua umat Islam yang menggunakan peluang dengan sebaik mungkin untuk melakukan suruhanNya serta mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Secara ringkasnya, bolehlah dikatakan bahawa jemaah haji berasa positif semasa berada di tempat-tempat

beribadat walaupun dikelilingi jutaan manusia yang berlainan latar belakang serta melakukan aktiviti suruhanNya secara bersama-sama.

Proses menunaikan ibadah haji di Arab Saudi sememangnya padat dengan pelbagai bentuk aktiviti ibadah. Adalah tidak dinafikan bahawa bentuk aktiviti yang dilakukan juga turut mempengaruhi kejadian sesuatu emosi. Kajian semasa mendapati bahawa pelbagai bentuk aktiviti yang dijalankan seperti aktiviti berbentuk spiritual, aktiviti riadah, dan aktiviti harian mempengaruhi kejadian sesuatu emosi. Hal ini kerana secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada jemaah untuk merehatkan badan serta merapatkan hubungan dengan individu sekeliling. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada jemaah untuk meneroka kawasan baru di Arab Saudi sambil beribadat. Dapatan ini menjelaskan bahawa jemaah haji bukan sahaja melakukan aktiviti spiritual yang boleh mempengaruhi emosi mereka, malah ibadah haji juga turut memberi peluang kepada mereka untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti yang boleh menyebabkan kejadian emosi positif kepada mereka. Misalnya, jemaah haji mengalami emosi spiritual seperti gembira, kagum, tenang, dan syukur ketika menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk spiritual. Daripada konteks haji bolehlah dikatakan bahawa ibadah haji menyebabkan berlakunya emosi berbentuk spiritual yang membawa kepada keadaan yang positif.

Kebanyakan emosi manusia berlaku dalam konteks interaksi sosial (Parkinson, Fischer and Manstead, 2005) dan hubungan iaitu manusia membangkitkan pelbagai bentuk emosi (LeDoux 1996). Seperti yang dibincangkan sebelum ini, ibadah haji merupakan perhimpunan terbesar di dunia yang mengumpulkan berjuta-juta umat Islam dari lebih 140 buah negara. Perkara ini mendorong para jemaah untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain sebagai proses sosial yang dapat

mengeratkan hubungan sesama umat Islam. Proses interaksi sosial dan hubungan dengan individu lain yang berlaku ketika proses ibadah haji juga membangkitkan pelbagai bentuk emosi kepada jemaah haji. Dalam konteks kajian ini, hubungan sosial yang menimbulkan pengalaman emosi positif didapati memberi kesan positif kepada jemaah haji seperti melancarkan ibadah mereka. Misalnya, sokongan antara satu sama lain, bukan sahaja memperlancarkan proses ibadah, malah ia mengeratkan hubungan sesama mereka. Hubungan sosial jemaah haji juga adalah luas iaitu mereka berinteraksi dengan individu yang tidak dikenali juga semasa menunaikan ibadah haji. Hal ini memberi peluang untuk membentuk hubungan sosial yang baru kepada mereka semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Di samping itu, hubungan interaksi dengan individu yang dikenali terutamanya ahli keluarga atau teman ke Arab Saudi pula bolehlah dikatakan menjadi lebih baik memandangkan mereka menghabiskan masa bersama dan terlibat dalam aktiviti yang sama. Hal ini menyebabkan jemaah haji berasa terbuka dan mengalami emosi berbentuk positif. Perkara ini menjelaskan bahawa ibadah haji bukan sahaja membentuk nilai spiritual atau hubungan dengan Allah S.W.T., malah ia juga menyebabkan pembentukan sesuatu hubungan yang baru serta memperkuuhkan hubungan yang sedia terbina yang menyebabkan jemaah haji mengalami emosi positif.

Di samping pengalaman emosi positif, hubungan interaksi sosial juga turut membangkitkan emosi berbentuk negatif. Pengalaman emosi berbentuk negatif berlaku apabila sesuatu keadaan yang tidak ideal dan ia menyebabkan pengalaman seseorang individu untuk bertingkah laku mengikut sesuatu cara yang spesifik (Curtis, Aunger and Rabie 2004). Dalam konteks kajian ini, jemaah haji mengalami emosi berbentuk negatif dalam hubungan sosial disebabkan oleh sikap jemaah lain.

Walaupun proses haji merupakan satu bentuk aktiviti spiritual, ia menjelaskan bahawa individu-individu di sekeliling turut melakukan tingkah laku di luar batasan seperti merokok, menolak dan sebagainya yang menyebabkan ketidakselesaan kepada jemaah lain. Individu di sekeliling yang mentafsir tingkah laku tersebut sebagai sesuatu yang kurang menyelesakan, maka ia menyebabkan mereka mengalami emosi negatif. Walau bagaimanapun emosi tersebut adalah berbentuk sementara dan tidak kekal lama atau menjelaskan aktiviti haji mereka. Walaupun tingkah laku berbentuk negatif menimbulkan emosi berbentuk negatif kepada jemaah haji, namun ia tidak menjelaskan hubungan dengan individu tersebut. Sebaliknya, jemaah haji biasanya berjaya mengawal emosi tersebut dengan melakukan aktiviti-aktiviti lain yang menimbulkan emosi berbentuk positif. Di samping itu, perkara ini juga menyebabkan mereka tidak mengambil serius atau menganggapnya sebagai satu halangan atau ujian dari Allah S.W.T. dalam meneruskan urusan haji mereka.

Keadaan persekitaran yang padat serta pertukaran cuaca, boleh menyebabkan gangguan kesihatan kepada seseorang individu. Perkara ini pernah dijalankan kajian dalam konteks haji oleh beberapa penyelidik dari pelbagai bidang sebelum ini (Salmon-Rousseau, Piednoir, Cattoir and de La Blanchardière 2016; Shafi, Dar, Khan, Khan, Azhar, McCloskey, Zumla and Petersen 2016; Al-Tawfiq and Memish 2014; Shafi, Booy, Haworth, Rashid and Memish 2008; Ahmed, Arabi and Memish 2006). Selain faktor cuaca, persekitaran dan tingkah laku di sekeliling semasa menunaikan ibadah haji menyebabkan penyebaran pelbagai bentuk penyakit (Alzahrani et al. 2012). Dapatkan kajian semasa juga mendapati bahawa kesihatan juga menjadi antara faktor yang membangkitkan emosi jemaah haji tetapi ia adalah disebabkan oleh keadaan kesihatan

jemaah haji itu sendiri. Misalnya, kejadian emosi berbentuk negatif disebabkan oleh faktor kesihatan dapat dikaitkan dengan aktiviti haji yang dijalankan. Hal ini kerana apabila jemaah haji berhadapan dengan masalah kesihatan (seperti demam dan uzur) yang menyebabkan keterbatasan aktiviti spiritual, ia menyebabkan mereka mengalami emosi negatif seperti sedih. Walau bagaimanapun kejadian emosi negatif semasa menunaikan ibadah haji bolehlah dikatakan sebagai bentuk emosi yang sering dialami oleh manusia semasa kehidupan harian biasa.

Di samping itu, pergelutan r/s juga didapati antara faktor yang menimbulkan emosi berbentuk positif dan negatif. Secara umumnya, penderitaan dan kesedihan kepada seseorang Muslim adalah kesan ujian daripada Allah S.W.T. dan akan diberi ganjaran. Hal ini juga dapat meningkatkan tahap kesedaran terhadap Allah S.W.T. (Al-Ghazali 1991). Walau bagaimanapun pergelutan dijelaskan sebagai sebentuk gangguan dan menyakitkan yang boleh menyebabkan tahap kesihatan mental dan kesejahteraan yang rendah (Abu-Raiya, Pargament, Krause and Ironson 2015). Dalam konteks kajian ini didapati bahawa jemaah haji menerima dan menganggap sesuatu kejadian atau peristiwa berbentuk negatif yang dialami (misalnya gangguan kesihatan dan halangan) sebagai ujian daripada Allah S.W.T. Pentafsiran dalaman berbentuk positif ini mendorong mereka mengalami pengalaman emosi berbentuk positif atau spiritual seperti bersyukur kerana mereka tergolong dalam kalangan pilihan Allah S.W.T. untuk diberi ujian. Di samping itu, ujian tersebut juga dapat memberi peluang kepada mereka untuk menghapuskan dosa-dosa kecil yang dilakukan. Penerima kejadian atau peristiwa berbentuk negatif secara positif menjelaskan bahawa individu yang mempunyai pegangan r/s yang tinggi cenderung bertanggapan positif serta mengalami pengalaman emosi berbentuk positif.

Pada masa yang sama, pergelutan r/s juga menyebabkan kejadian pengalaman emosi berbentuk negatif. Ibadah haji yang melibatkan pelbagai proses dipercayai menyebabkan pergelutan moral dalam diri jemaah haji yang menyebabkan mereka mengalami pengalaman emosi berbentuk negatif. Kajian Exline dan rakan-rakan (2014) menerangkan bahawa seseorang individu bergelut untuk mencuba mengikuti prinsipal moral atau berasa teramat dosa dalam melakukan pelanggaran. Dalam konteks kajian ini, para jemaah haji mengalami perasaan takut akan ingkar perintah Allah S.W.T., risau amalan atau ibadah haji mereka tidak diterima oleh Allah S.W.T. dan sebagainya. Dengan berlakunya konflik dalaman ini, ia menimbulkan pengalaman emosi berbentuk negatif seperti risau dan sedih. Kejadian emosi berbentuk negatif disebabkan pergelutan r/s adalah boleh dikaitkan dengan perasaan takut seseorang kepada Allah S.W.T. Di samping itu, ia juga dapat dikaitkan dengan tahap spiritual seseorang individu iaitu individu yang mempunyai pegangan spiritual yang tinggi cenderung mencuba untuk tidak mengingkari perintah Allah S.W.T. dan mendapatkan pahala daripadanya. Perihal ini menjelaskan bahawa jemaah haji iaitu terdiri daripada umat Islam sentiasa takut akan hukuman Allah S.W.T. seperti yang dibincangkan oleh Abu-Raiya dan rakan-rakan (2015) dalam kajian mereka.

Walaupun semua jemaah haji mengalami pelbagai bentuk pengalaman emosi semasa menunaikan ibadah haji, namun ia adalah tidak sama dengan individu lain yang berada dalam situasi atau pada waktu yang sama. Berdasarkan perbincangan sebelum ini adalah jelas bahawa terdapat pelbagai faktor yang menimbulkan kejadian sesuatu emosi semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Menurut Siemer, Mauss dan Gross (2007), seseorang individu mengalami pengalaman emosi yang berlainan walaupun berada dalam situasi yang sama kerana rangsangan di

persekitaran yang sama akan menimbulkan pengalaman emosi yang berbeza kepada individu lain berdasarkan pentafsiran mereka terhadap keadaan tersebut. Lebih menariknya, dalam konteks kajian ini, bentuk emosi yang dialami oleh jemaah haji dalam sesuatu masa atau aktiviti yang dijalankan adalah tidak menimbulkan kejadian emosi yang sama kepada semua individu disebabkan oleh pentafsiran mereka yang bergantung kepada pelbagai faktor. Misalnya, Jemaah A mengalami emosi spiritual tenang semasa beribadah. Manakala Jemaah B pula mengalami emosi bersemangat semasa beribadah. Hal ini menjelaskan bahawa kedua-dua jemaah mempamerkan bentuk emosi spiritual yang berlainan walaupun berada dalam situasi yang sama iaitu beribadah. Perkara ini berlaku disebabkan emosi yang dialami adalah bergantung kepada cara seseorang individu menafsirkan keadaan atau peristiwa yang berlaku ketika itu. Oleh itu, bentuk emosi yang dialami oleh seseorang individu dalam situasi yang sama tidak akan sama dan adalah berbentuk pelbagai.

### Kesimpulan

Keseluruhannya, perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa emosi positif, negatif dan spiritual merupakan bentuk emosi yang dialami oleh para jemaah haji yang menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Kejadian pelbagai bentuk emosi ini bolehlah dikatakan bahawa ibadah haji di Arab Saudi merupakan satu perjalanan suci dan menenangkan walaupun diharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Walaupun ibadah haji membangkitkan pelbagai bentuk emosi, emosi positif merupakan bentuk emosi utama kerana emosi negatif yang dialami hanyalah berjangka pendek, berbentuk sementara dan tidak memberikan sebarang kesan.

Secara ringkasnya, aktiviti spiritual dalam konsep Islam iaitu ibadah haji menyebabkan pelbagai bentuk emosi positif dan negatif. Pentafsiran sesuatu

pengalaman emosi adalah dipengaruhi oleh pelbagai perkara seperti kejadian yang berlaku, individu yang ditemui serta tahap religiositi dan spiritualiti yang dimiliki oleh seseorang jemaah serta faktor umur. Adalah jelas bahawa individu yang mempunyai tahap religiositi dan spiritualiti yang tinggi adalah mampu mengawal kejadian bentuk emosi mereka. Hal ini menjelaskan bahawa mereka boleh mengelak daripada mengalami lebih pengalaman emosi berbentuk negatif daripada pengalaman emosi berbentuk positif.

### Penghargaan

Kajian ini merupakan sub-topik kajian PhD dibawah oleh *Long Term Research Grant Scheme (LRGS) Hajj Research Cluster*, Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, program MyBrain (MyPhD).

### Rujukan

- Abu-Raiya, H., K.I. Pargament, A. Weissberger and J. Exline. 2015. An empirical examination of religious/spiritual struggles among Israeli-Jews. *The International Journal for the Psychology of Religion*, 26(1), 61-79.
- Ahmed, Q. A., Y. M. Arabi and Z. A. Memish. 2006. Health risks at the hajj. *The Lancet*, 367, 1008-1015.
- Al-Ghazali, M. (1991). *Alchemy of happiness* (Kimiya-ye sa'a-dat). (trans: Field, C). London: M.E. SharpInc. Retrieved from <http://www.sacred-texts.com/isl/tah/index.htm>
- Al-Faisal, R. 2009. *Hajj*. United Kingdom: Garnet Publishing.
- Al-Tawfiq, J.A. and Z.A. Memish. 2014. Mass gathering medicine: 2014 Hajj and Umra preparation as a leading example. *International Journal of Infectious Diseases*, 27, 26-31.
- Barron, R. 2002. *Heaven in stone and*

- glass: *Experiencing the spirituality of the great Cathedrals*. Spring Valley: Crossroad.
- Braun, V. and V. Clarke. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Burns, D. and L. Neisner. 2006. Customer satisfaction in retail setting. The contribution of emotion. *International Journal of Retail & Distribution Management*, 34 (1), 49-66.
- Curtis, V., R. Aunger and T. Rabie. 2004. Evidence that disgust evolved to protect from risk of disease. *Proceedings of The Royal Society of London, Series B: Biological Sciences*, 271, 131–133.
- Ekman, P. 2003. *Emotions revealed*. London: Phoenix.
- Exline, J. J. 2013. Religious and spiritual struggles. Dalam K. I. Pargament, J. J. Exline, & J. W. Jones (Eds.), *APA handbook of psychology, religion, and spirituality: Vol. 1. Context, theory, and research* (pp. 459–475). Washington, DC: American Psychological Association.
- Fellows, F.R. and Liu, A.M.M. 2015. *Research methods for construction*. 4th ed. West Sussex, United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Hede, A. M. and J. Hall. 2012. Evoked emotions: Textual analysis within the context of pilgrimage tourism to Gallipoli. Dalam *Field guide to case study research in tourism, hospitality and leisure* (pp. 45-60). Emerald Group Publishing Limited.
- Ibrahim, M.K. 2010. *Travelog haji: Mengubah sempadan Iman*. Selangor, Malaysia: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Kindermann, K. and U. Riegel. 2016. Experiencing churches as spiritual and religious places: A study on children's emotions in church buildings during scholastic field trips. *British Journal of Religious Education*, 1-12.
- LeDoux, J.E. 1996. *The emotional brain: The mysterious underpinnings of emotional life*. New York: Simon & Schuster.
- Nezlek, J.B. and P. Kuppens. 2008. Regulating positive and negative emotions in daily life. *Journal of Personality*, 76:3.
- Parkinson, B., A.H. Fischer and A.S.R. Manstead. 2005. *Emotion in social relations: Cultural, group, and interpersonal processes*. New York: Psychology Press.
- Pham, T.D. and D. Tran. 2012. Emotion recognition using the emotiv epoch device. Dalam *International Conference on Neural Information Processing* (pp. 394-399). Springer Berlin Heidelberg.
- Salmon-Rousseau, A., E. Piednoir, V. Cattoir and A. de La Blanchardière. 2016. Hajj-associated infections. *Medecine et maladies infectieuses*, 46, 346–354.
- Salaamgateway.com. 14 August 2019. Retrieved from [https://www.salaamgateway.com/en/story/hajj\\_2019\\_saudi\\_arabia\\_anounces\\_final\\_numbers\\_and\\_statistics\\_for\\_this\\_years\\_muslim\\_major\\_pilgrimage-SALAAM15082019161717/](https://www.salaamgateway.com/en/story/hajj_2019_saudi_arabia_anounces_final_numbers_and_statistics_for_this_years_muslim_major_pilgrimage-SALAAM15082019161717/) (14 August 2019)
- Sander, D., D. Grandjean, G. Pourtois, S. Schwartz, M.L. Seghier, K.R. Scherer and P. Vuilleumier. 2005. Emotion and attention interactions in social cognition: Brain regions involved in processing anger prosody. *Neuroimage*, 28(4), 848-858.
- Saudi Gazette (2014, October 19). Saudi Arabia has hosted 25 million hajj pilgrims in 10 years. *Al Arabiya English*. Retrieved from <http://english.alarabiya.net/en/perspective/features/2014/10/19/Saudi->

- Arabia-hosted-25m-hajj-pilgrims-in-past-10-years.html
- Scherer, K.R. 2003. Vocal communication of emotion: A review of research paradigms. *Speech Communication*, 40(1–2), 227–256.
- Shafi, S., R. Booy, E. Haworth, H. Rashid and Z.A. Memish. 2008. Hajj: Health lessons for mass gatherings. *Journal of Infection and Public Health*, 1, 27-32.
- Shafi, S., O. Dar, M. Khan, M. Khan, E. I. Azhar, B. McCloskey, A. Zumla and E. Petersen. 2016. The annual Hajj pilgrimage—minimizing the risk of ill health in pilgrims from Europe and opportunity for driving the best prevention and health promotion guidelines. *International Journal of Infectious Diseases*, 47, 79-82.
- Siemer, M., I. Mauss and J.J. Gross. 2007. Same situation-different emotions: How appraisals shape our emotions. *Emotion*, 7 (3), 592-600.